



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**Transformasi Bangunan Warisan Dewan Undangan Negeri Sarawak
Sebagai Pusat Seni Persembahan: Potensi dan Persepsi**

Nik Saiful Ameyrul Bin Nik Hanapi

**Sarjana Seni
2024**

Transformasi Bangunan Warisan Dewan Undangan Negeri Sarawak Sebagai
Pusat Seni Persembahan: Potensi dan Persepsi

Nik Saiful Ameyrul Bin Nik Hanapi

Tesis ini dikemukakan

Bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Seni

(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2024

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa kerja-kerja di dalam tesis ini telah diselaraskan dengan peraturan-peraturan Universiti Malaysia Sarawak, dan tesis ini adalah asli. Tesis ini tidak pernah diterima untuk sebarang ijazah dan tidak dikemukakan secara serentak bagi sebarang pencalonan ijazah lain.



.....

Tandatangan

Nama: Nik Saiful Ameyrul Bin Nik Hanapi

No. Matrik: 18020232

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

Universiti Malaysia Sarawak

Tarikh:

PENGHARGAAN

Syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya tesis ini dapat disiapkan dengan jayanya. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas pertolongan dan sumbangan dari pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan kajian ini. Saya amat terhutang budi kepada semua pihak yang telah membantu saya dalam berkongsi dan menyumbang idea serta cadangan dalam penulisan kajian ini.

Selain itu, saya juga ingin merakam ucapan penghargaan khas buat penyelia utama saya iaitu Prof. Madya Dr. Noria Anak Tugang yang tidak pernah jemu memberi tunjuk ajar, dorongan dan membantu saya dalam menyempurnakan penulisan kajian ini. Sesungguhnya, segala sumbangan, pertolongan, budi dan jasa beliau tidak akan saya lupakan.

Ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu dan bapa saya iaitu Puan Mastura Binti Abu Bakar dan Encik Nik Hanapi Bin Che Wan kerana telah banyak memberi dorongan, semangat, nasihat, sokongan dan bantuan kewangan kepada saya dalam menyempurnakan kajian ini. Tidak lupa juga kepada insan-insan yang selalu memberikan nasihat dan semangat iaitu abang, kakak dan adik.

Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Dr. Mazdan Bin Ali Amaran kerana telah banyak membantu saya dalam menyelesaikan kajian ini. Tidak juga kepada rakan-rakan seperjuang yang sering memberikan kata-kata semangat semasa menjalankan kajian ini.

Sakalung budi saya tujukan kepada barisan informan saya iaitu Puan Easter Melebeh, Puan Normah Binti Hj Kassem dari Majlis Seni Sarawak (MSS) dan Puan Mawar Suhaila Binti Hj Ab Razak dari Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, (JKKN) Sarawak di atas sumbangan maklumat berkaitan kajian ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada barisan staf Pusat Pengajian Pascasiswazah UNIMAS yang bertungkus-lumus membantu segala persiapan surat-menyurat dalam menjalankan kajian ini.

Penghargaan khas juga, saya rakamkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung, jutaan terima kasih di atas sumbangan buah fikiran dan material terhadap kajian dan penulisan ini. Saya berharap kajian ini akan menjadi kayu ukur dan sumber maklumat kepada pengkaji-pengkaji lain di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Kekayaan warisan seni budaya yang ada pada hari ini adalah hasil peninggalan generasi terdahulu iaitu nenek moyang kita dan setiap warisan seni budaya ini melambangkan identiti kita. Namun begitu, masyarakat harini seakan-akan tidak sedar dan memandang enteng terhadap potensi yang ada pada warisan seni budaya ini. Malah, keberadaan warisan seni budaya ini kian terancam ekoran daripada kepesatan pembangunan yang berlaku. Justeru itu, kajian ini akan mengkaji persepsi masyarakat di Sarawak serta potensi yang ada dalam usaha mentransformasikan bangunan warisan Dewan Undangan Negeri DUN lama sebagai Pusat Seni Persembahan. Seramai 206 orang responden, telah menjawab soal selidik dan tiga orang informan telah ditemu bual. Pendekatan kuantitatif dan kualitatif digunakan bagi menganalisis data yang diperolehi. Hasil dapatan kajian menunjukkan, majoriti masyarakat bersetuju bahawa transformasi ini penting dalam mengelakkan pengabaian kawasan serta perlu dipulihara untuk terus digunakan pada masa akan datang. Manakala, hasil maklum balas temu bual daripada ketiga-ketiga informan mendapati bahawa perancangan strategik dalam penyediaan aktiviti kepada masyarakat perlu dirancang secara teratur. Hal ini wajar dilaksanakan, dalam usaha mendidik masyarakat berkaitan kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan warisan.

Kata kunci: Warisan budaya, persepsi, potensi, transformasi, bangunan warisan

Transformation of Dewan Undangan Negeri Heritage Building as an Arts Performing Center: Potential and Perception

ABSTRACT

The wealth of art and cultural heritage that existed today is the result of the legacy of previous generations, our ancestors, and each art and culture heritage symbolize our identity. However, today's society seems to be unaware and underestimate the potential of this cultural heritage. In fact, the existence of this cultural heritage is increasingly threatened due to the rapid development that is taking place. Therefore, this study examined the perception of the community in Sarawak as well as the potential in the effort to transform the old DUN heritage building into a Performing Arts Center. A total of 206 respondents answered the questionnaire and three informants were interviewed. Quantitative and qualitative approaches were used to analyze the obtained data. The results of the study showed that the majority of the community agreed that this transformation is important in avoiding the neglect of the area and the needs to be preserved for continuous usage in the future. Meanwhile, the results of the interview responses from the three informants found that strategic planning in providing activities to the community needs to be planned wisely. This should be implemented, as an effort to educate the community regarding the importance of preservation and conservation of heritage buildings.

Keywords: *Cultural heritage, perception, potential, transformation, heritage buildings*

ISI KANDUNGAN

Mukasurat

PERAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xiii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Soalan Kajian	5
1.5 Kepentingan Kajian	5
1.6 Skop Kajian	6
1.7 Lokasi Kajian	7
1.8 Limitasi Kajian	12
1.9 Kerangka Konseptual Kajian	13
BAB 2 SOROTAN LITERATUR	17
2.1 Pengenalan	17

2.2	Penyesuaian Guna Semula dan Kelestarian Rumah Kedai Warisan di Bandar Bersejarah di Malaysia	18
2.3	Penyesuai Gunaan Semula Bangunan Rumah Kedai Lama	18
2.4	Bangunan Bank Negara Malaysia Lama Diubahsuai Menjadi Galeri Shah Alam	19
2.5	Pemeliharaan dan Pemuliharaan Bangunan Warisan	19
2.6	Penglibatan Komuniti Tempatan Dalam Pemeliharaan	21
2.7	Usaha Kerajaan dalam Pemuliharaan Bangunan Bersejarah	23
2.8	Pendekatan Kerja Pemuliharaan Bangunan Bersejarah	23
2.9	Undang-undang Berkaitan Warisan	24
2.9.1	Akta Warisan Kebangsaan	24
2.9.2	Akta Bendapurba 1976 (bil.168)	24
2.10	Transformasi Bangunan Warisan	25
2.11	Potensi Transformasi Bangunan Warisan Dan Pemuliharaan Bangunan	26
2.12	Kesedaran Masyarakat Berkaitan Transformasi Bangunan Warisan	28
2.13	Latar Belakang Bangunan Warisan Dewan Undangan Negeri, Sarawak	28
2.14	Transfomasi	33
2.15	Warisan	35
2.16	Bangunan Bersejarah	40
2.17	Pusat Seni Persembahan	44
2.18	Seni Persembahan	46
2.19	Tapak Warisan Dunia di Malaysia	48
2.20	Jurang Kajian	50
2.21	Rumusan	51

BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	53
3.1	Pengenalan	53
3.2	Kerangka Kajian	53
3.3	Teknik Pensampelan Kajian	54
3.3.1	Teknik Pensampelan Kuantitatif Pensampelan Bertujuan (<i>Purposive Sampling</i>)	55
3.3.2	Teknik Pensampelan Mudah Rawak	55
3.3.3	Teknik Pensampelan Kualitatif Pensampelan Bola Salji (<i>Snowball Sampling</i>)	56
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	58
3.4.1	Kaedah Temu Bual	58
3.4.2	Edaran Set Soal Selidik	62
3.5	Kajian Rintis (<i>Pilot Study</i>)	64
3.6	Nilai Kesahan Data	65
3.7	Kaedah Analisis Data Kajian	66
3.7.1	Kaedah Kuantitatif	67
3.7.2	Kaedah Kualitatif	67
3.8	Instrumen Kajian	69
3.9	Etika Penyelidikan	70
3.10	Rumusan	71
BAB 4	ANALISIS DATA DAN DAPATAN PENYELIDIKAN	72
4.1	Pengenalan	72
4.2	Latar Belakang Demografi	73
4.2.1	Latar belakang Responden Kuantitatif	74
4.2.2	Latar Belakang Informan Kualitatif	76

4.3	Kesedaran Masyarakat Terhadap Transformasi Bangunan DUN Lama Sebagai Pusat Seni Persembahan Negeri Sarawak	76
4.4	Persepsi Masyarakat Berkaitan Potensi Transformasi Bangunan DUN Lama Sarawak Sebagai Pusat Seni Persembahan	83
4.5	Pengisian Jenis Aktiviti yang Dijalankan oleh Pusat Seni Persembahan dalam Usaha Meningkatkan Kesedaran Masyarakat Terhadap Transformasi Bangunan Warisan Bersejarah di Kuching	94
4.6	Informan Pertama	95
4.7	Informan Kedua	102
4.8	Informan Ketiga	104
4.9	Rumusan	107
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	110
5.1	Kesimpulan	110
5.2	Cadangan	115
	RUJUKAN	118
	APENDIKS	127

SENARAI JADUAL

	Mukasurat
Jadual 1.1: Ringkasan Pernyataan Masalah Kajian, Persoalan Kajian dan Objektif Kajian	9
Jadual 3.1: Justifikasi Pemilihan Sampel Untuk Ditemu Bual	61
Jadual 3.2: Pembahagian Set Soal Selidik Sebelum Kajian Rintis	64
Jadual 3.3: Jadual Nilai Kesahihan Data	65
Jadual 4.1: Latar Belakang Demografi	74
Jadual 4.2: Senarai Informan	76
Jadual 4.3: Kesedaran Masyarakat Terhadap Transformasi Bangunan DUN Lama Sebagai Pusat Seni Persembahan Negeri Sarawak	76
Jadual 4.4: Persepsi Masyarakat Berkaitan Potensi Transformasi Bangunan DUN Lama Sarawak Sebagai Pusat Seni Persembahan	83

SENARAI RAJAH

	Mukasurat
Rajah 1.1: Lokasi Bangunan Dewan Undangan Negeri DUN, Sarawak	7
Rajah 1.2: Kerangka Konseptual Kajian	14
Rajah 2.1: Sejarah Pergerakan Dewan Undangan Negeri DUN, Sarawak dari Tahun 1867 Sehingga Hari Ini	30
Rajah 2.2: Kompleks Bangunan Dewan Undangan Negeri DUN Sarawak	31
Rajah 2.3: Balai Seni di Alor Star (1893)	40
Rajah 2.4: Gereja St. George Anglican di George Town (1817)	41
Rajah 2.5: Masjid Kampung Hulu di Banda Hilir, Melaka (1728)	41
Rajah 2.6: Bangunan Sultan Abdul Samad (1983)	41
Rajah 2.7: Istana Bandar (Alaeddin) (1899)	42
Rajah 2.8: Masjid Kampung Laut (1730)	42
Rajah 2.9: Kubu Alice (1864)	42
Rajah 2.10: Kubu Margherita	43
Rajah 2.11: Astana Sarawak (1870)	43
Rajah 2.12: Muzium Sarawak (1891)	43
Rajah 2.13: Masjid Jamek Kuching (1847)	44
Rajah 2.14: Jenis Seni Persembahan	47
Rajah 3.1: Pembolehkan Tidak Bersandar dan Pembolehkan Bersandar	54
Rajah 3.2: Proses Melaksanakan Prosedur Persampelan Rawak	55
Rajah 3.3: Sumber Informan	59
Rajah 3.4: Skala Likert	63
Rajah 4.1: Di Luar The Old Courthouse	88
Rajah 4.2: Di Dalam The Old Courthouse	88

Rajah 4.3: Di Dalam The Old Courthouse	89
Rajah 4.4: Proses Perancangan Acara Atau Program	96
Rajah 4.5: Program dan Aktiviti-Aktiviti yang Dijalankan MSS	101
Rajah 4.6: Program dan Aktiviti-Aktiviti yang Dijalankan JKKN, Sarawak	107

SENARAI SINGKATAN

BNM	Bank Negara Malaysia
CGS	<i>Centre for Graduate Studies</i>
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
DUN	Dewan Undangan Negeri
JAN	Jabatan Arkib Negara
JKKN	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
JKR	Jabatan Kerja Raya
JSKP	Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan
MSS	Majlis Seni Sarawak
PDKS	Pasar Karat Dondang Sayang
UNESCO	<i>United Nation Education Scientific and Cultural Organization</i>
UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak
UPM	Universiti Putra Malaysia
WCDISA	Webinar Community Develoment in Southeast Asia
WHC	World Heritage Centre
WTO	World Tourism Organization

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Dalam bahagian ini pengkaji telah menerangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Perkara yang ingin dibincangkan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah penerimaan masyarakat di kawasan kajian iaitu transformasi bangunan Dewan Undangan Negeri DUN lama Sarawak sebagai pusat seni persembahan negeri Sarawak. Hal ini kerana terdapat berbagai spekulasi atau pandangan terhadap transformasi yang dijalankan. Pada masa yang sama, pengkaji juga mengkaji pengisian aktiviti dan kesesuaian aktiviti yang dijalankan untuk masyarakat setempat. Seterusnya, tajuk kajian yang pengkaji jalankan adalah Transformasi Warisan Bangunan Dewan Undangan Negeri Lama sebagai Pusat Seni Persembahan Negeri Sarawak: Potensi dan Persepsi Masyarakat Kuching, Sarawak.

Ini juga merupakan salah satu langkah bagi menyakinkan pihak kerajaan tempatan dengan mengambil inisiatif untuk melakukan transformasi. Hal ini jelas menunjukkan usaha murni kerajaan tempatan bagi mewujudkan satu medium khas kepada masyarakat bagi memelihara dan meneruskan lagi legasi generasi terdahulu. Tambahan pula, negeri Sarawak terkenal dengan masyarakat yang hidup bersatu dan aman sejahtera, meskipun berbilang kaum dan agama. Sarawak merupakan satu daripada negeri yang mempunyai lebih kurang 30 kumpulan sub etnik yang terdiri mana Iban, Melayu, Cina, Bidayuh, Kenyah, Kayan, Penan, Lun Bawang dan setiap daripada mereka mempunyai kepercayaan dan cara hidup tersendiri serta kesenian dan kebudayaan yang sangat unik. (Akbar Suara Sarawak, terbitan pada 26 Oktober 2021).

1.2 Penyataan Masalah Kajian

Dalam menjalankan kajian berkaitan Transformasi Warisan Bangunan Dewan Undangan Negeri Lama sebagai Pusat Seni Persembahan Negeri Sarawak: Potensi dan Persepsi Masyarakat Kuching, Sarawak ini, pengkaji juga mendapati bahawa terdapat beberapa masalah yang timbul yang mana menjadi tanda tanya kepada masyarakat dan juga pengkaji sendiri. Antara masalah dan isu yang timbul adalah cabaran dan halangan yang dihadapi dalam menyemai penerimaan masyarakat setempat berkaitan transformasi bangunan DUN lama tersebut. Perkara ini disebabkan, masyarakat pada harini tidak tahu apa itu pemuliharaan bangunan warisan, malah berganggapan pemuliharaan bangunan warisan sama seperti pengubahsuaian rumah biasa sahaja Zuraidi, Akasah, dan Rahman (2011). Tranformasi bangunan warisan ini kepada pusat seni persembahan negeri Sarawak seharusnya diterangkan kepada masyarakat setempat agar mereka tidak mempunyai tanggapan yang salah terhadap usaha kerajaan yang ingin memperkasakan pusat seni persembahan ini daripada pelbagai aspek keseniaan dan kebudayaan negeri Sarawak.

Isu seterusnya adalah masyarakat tidak sedar akan potensi yang terdapat pada sesebuah bangunan bersejarah di sekitar mereka. Kepesatan pembangunan bangunan-bangunan baharu yang lebih menarik menyebabkan perhatian masyarakat lebih tertumpu kepada pembangunan baharu, berbanding bangunan bersejarah yang kaya dengan nilai estetikanya serta mempunyai nilai komersial yang tinggi jika ditransformasikan. Masih banyak pihak kurang menyedari potensi yang ada pada bangunan warisan bersejarah ini, oleh kerana kebanyakan bangunan kelihatan terbiar dan usang. Menurut Jalanan (2021) kerajaan negeri Perak berhasrat ingin melelong istana lama yang mana pada suatu ketika dulu menjadi singgah sana Raja Muda yng terletak di Teluk Intan, Perak dek kerana

bangunan ini sudah berusia kira-kira 100 tahun dan berada dalam keadaan dipenuhi semak-samun.

Sebagai contoh, bangunan DUN lama Sarawak yang masih utuh ketahanannya ditransformasikan menjadi Pusat Seni Persembahan Negeri Sarawak. Transformasi bangunan ini dapat memberi dampak yang besar kepada masyarakat dan juga kepada sektor ekonomi negeri Sarawak. Ini adalah potensi yang telah dilihat oleh kerajaan negeri yang mana dapat memberi manfaat kepada masyarakat.

Seterusnya, isu yang terakhir adalah masyarakat kurang memahami kandungan aktiviti yang direncanakan, adakah masyarakat dapat menerima dan faham intipati yang ingin disampaikan oleh pihak penganjur. Hal demikian ini kerana, ianya akan menyebabkan masyarakat membuat tafsiran yang salah terhadap sesuatu aktiviti yang dijalankan. Menurut Hasmadi yang dicapai di dalam Nik Hanapi (2018) sesuatu acara atau aktiviti yang melibatkan kesenian atau kebudayaan dalam seni persembahan dipercayai dapat memberikan dampak kepada masyarakat yang berada sekelilingnya. Oleh itu, sesuatu aktiviti yang akan dijalankan haruslah dirancang dengan sebaik mungkin, supaya pengisian intipati dalam sesuatu aktiviti itu dapat memberikan kesan yang mendalam kepada masyarakat dan sekaligus mereka dapat menikmati dan menghayati sesuatu seni aktiviti yang dijalankan.

1.3 Objektif Kajian

Bagi menjawab persoalan kajian, terdapat tiga objektif yang diketengahkan dalam kajian ini antaranya ialah:

1. Mengkaji kesedaran masyarakat terhadap transformasi bangunan DUN lama sebagai pusat seni persembahan negeri Sarawak. Hal ini disebabkan, terdapat sebilangan

masyarakat setempat yang kurang mendapat pendedahan berkaitan hal ini serta terdapat juga diantara mereka tidak menyedari berlakunya proses transformasi bangunan warisan dip persekitaran mereka. Masyarakat hari ini, masih lagi tidak cakna berkaitan tujuan transformasi ini dijalankan, adakah transformasi hanya untuk mengekalkan kelestarian khazanah warisan ini atau transformasi ini untuk menjadi daya tarikan bagi industri pelancongan negara. Transformasi bangunan warisan bukan sahaja dapat mengekalkan kelestariannya, malah dengan terhasilnya transformasi bangunan warisan ini dapat menjadi daya tarikan pelancong untuk ke negara ini. Kehadiran pelancongan ke negara ini khususnya di bandar Kuching dapat membuka peluang untuk menjana pendapatan masyarakat setempat dan sekali gus meningkatkan taraf hidup mereka.

2. Meneroka persepsi masyarakat berkaitan potensi transformasi bangunan DUN lama Sarawak sebagai pusat seni persembahan. Bangunan warisan mempunyai nilai komersial yang sangat tinggi, tetapi hanya ada golongan tertentu sahaja yang memahami dan menilainya. Sebilangan masyarakat tidak mengetahui potensi bangunan ini selepas ditransformasikan dan timbulnya pelbagai andaian daripada mereka.
3. Meneliti jenis aktiviti yang dijalankan oleh pusat seni persembahan dalam usaha meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap transformasi monumen bangunan warisan bersejarah. Misalnya, di sini pengendalian semua aktiviti ini bersesuaian dengan semua lapisan umur atau memfokus sesuatu peringkat umur sahaja.

Kepentingan memilih atau menyediakan aktiviti yang sesuai kepada masyarakat perlu dititikberatkan dari pelbagai aspek supaya aktiviti yang dijalankan dapat memberikan impak positif kepada masyarakat yang menyertainya.

1.4 Soalan Kajian

Berikutan isu-isu dan masalah yang timbul, berikut adalah soalan yang dikemukakan oleh pengkaji:-

1. Apakah persepsi masyarakat berkaitan transformasi bangunan warisan?
2. Mengapakah masyarakat tidak sedar akan potensi transformasi bangunan warisan?
3. Bagaimanakah reaksi dan persepsi masyarakat terhadap transformasi tersebut?
4. Bagaimanakah pihak bertanggungjawab di bangunan warisan merancang sesuatu aktiviti yang dapat meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap transformasi bangunan warisan?

1.5 Kepentingan Kajian

Oleh sebab tiada kajian yang berkaitan dengan transformasi bangunan DUN lama sebagai pusat seni persembahan negeri Sarawak ini, pengkaji telah memilih tajuk Kesedaran dan Potensi Transformasi Monumen Warisan Bangunan DUN Lama Sebagai Pusat Seni Persembahan Terhadap Masyarakat Kuching Sarawak. Matlamat kajian yang telah ditetapkan bagi menjalankan kajian ini adalah untuk menyampaikan maklumat yang sahih dan jelas kepada masyarakat setempat berkaitan hal-hal berlakunya transformasi ini. Hal ini kerana, dengan adanya bukti-bukti sahih ini masyarakat akan dapat menerima dan memahami tujuan utama kerajaan menjalankan transformasi ini.

Kajian ini dijalankan juga bagi menyemai dan memberikan penerangan kepada masyarakat berkaitan tujuan utama transformasi bangunan DUN ini kepada pusat seni


persembahan negeri Sarawak adalah pemeraksanaan seni persembahan di negeri Sarawak ini sendiri dan ianya secara tidak lansung dapat menyemai rasa cinta kepada kesenian dan kebudayaan mereka sendiri. Tambahan itu, hal ini akan dapat mendidik generasi muda betapa pentingnya pemeraksanaan dan memelihara seni warisan negara khususnya negeri Sarawak. Kepentingan kajian yang terakhir adalah kajian boleh dijadikan kayu ukur atau bahan rujukan untuk pengkaji-pengkaji dimasa akan datang. Hal ini demikian, dengan adanya kajian ini, para pengkaji boleh menggunakan bahan kajian ini sebagai rujukan mereka. Selain itu mereka juga boleh meneruskan kajian dari aspek yang lain secara tidak langsung ianya akan memudahkan segala proses kajian-kajian dimasa akan datang. Tambahan pula, ini juga merupakan satu daripada usaha bagi menguatkan kesenian dan kebudayaan negeri Sarawak.

1.6 Skop Kajian

Skop kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji akan menyentuh hal-hal berkaitan dengan Transformasi Warisan Bangunan Dewan Undangan Negeri Lama Sebagai Pusat Seni Persembahan: Potensi dan Persepsi Masyarakat Kuching, Sarawak. Pengkaji juga akan mengkaji kesedaran masyarakat setempat terhadap transformasi yang dilakukan. Hal ini wujud kerana, tahap penerimaan sesuatu masyarakat terhadap sesuatu perubahan yang dilakukan adalah sangat penting kerana ianya akan meninggalkan kesan yang mendalam kepada masyarakat khususnya yang berada di sekitar kawasan kajian. Selain itu, kajian ini juga membincangkan persepsi masyarakat berkaitan potensi transformasi bangunan lama DUN Sarawak sebagai pusat seni persembahan, setiap bangunan warisan wujud semestinya mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Skop yang terakhir dalam kajian ini ialah pengkaji akan meneliti jenis-jenis aktiviti yang dijalankan oleh pusat seni persembahan dalam usaha meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap transformasi monumen

bangunan warisan bersejarah di Kuching. Hal ini kerana, kesesuaian aktiviti yang dijalankan amat penting disebabkan setiap pengajuran aktiviti yang bersesuaian dapat memberikan impak kepada pengunjung khususnya masyarakat berdekatan kawasan kajian.

1.7 Lokasi Kajian



Rajah 1.1: Lokasi Bangunan Dewan Undangan Negeri DUN, Sarawak

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menerangkan lokasi kajian yang digunakan dalam menjalankan kajian ini. Lokasi yang dipilih adalah bangunan DUN lama Sarawak yang terletak di Laluan Masuk Kawasan Parkir Awam Wisma Bapa Malaysia, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak. Selain itu, pengkaji memilih lokasi ini kerana lebih sesuai untuk mendapatkan data dan maklumat bagi membantu menyelesaikan masalah. Tambahan pula, lokasi ini sering menjalankan pelbagai aktiviti dan program kepada masyarakat setempat dan ianya memudahkan pengkaji mendapatkan responden kajian ini dari kalangan pengunjung yang menyertai program dan aktiviti yang dijalankan. Pada masa yang sama

pengkaji juga menfokuskan responden-responden yang berpengalaman dan pernah menyertai program dan aktiviyi yang dijalankan di Bangun DUN lama ini. Justeru itu, Lokas ini telah dipilih oleh pengkaji untuk dijadikan loksasi kajian.

Jadual 1.1: Ringkasan Pernyataan Masalah Kajian, Persoalan Kajian dan Objektif Kajian

Permasalahan kajian	Persoalan Kajian	Objektif Kajian
Hal ini demikian keranamasyarakat pada harini tidak tahu apa itu pemuliharaan bangunan warisan, malah beranggapan pemuliharaan bangunan warisan sama seperti pengubahsuaian rumahbiasa sahaja. Zuraidi et al. (2011)	Apakah persepsi masyarakat berkaitan transformasi bangunan warisan?	Mengkaji persepsi masyarakat terhadap transformasi bangunan DUN lama sebagai pusat seni persembahan negeri Sarawak.